

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIM TONG HIM  
[ KOTA MELAKA ]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) tentang projek perumahan PR1MA di negeri Melaka dan senaraikan lokasi-lokasi projek PR1MA yang akan dilaksanakan dan jumlah unit ditawarkan dan juga jenis perumahan; dan
- (b) terdapat berapa orang permohonan telah mendaftar diri dan berikan nama pemaju swasta yang mengambil bahagian dalam projek ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 5,592 unit rumah untuk disediakan di negeri Melaka. Jumlah ini dijangka akan meningkat dari semasa ke semasa selaras dengan kekerapan Mesyuarat Anggota Perbadanan PR1MA diadakan.

Kesemua projek-projek yang diluluskan tersebut sedang diusahakan namun masih berada dalam pelbagai fasa perancangan. Seseengah projek tersebut masih dalam proses memperolehi kelulusan Kebenaran Merancang dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Jenis pembangunan yang dirancang adalah terdiri daripada jenis strata dan rumah teres mengikut kesesuaian projek. Antara kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti untuk pembangunan termasuklah di sekitar Melaka Tengah, Ayer Keroh, Alor Gajah dan Tanjung Kling.

Dalam melaksanakan pembangunannya, PR1MA sentiasa menjalinkan hubungan strategik yang erat dengan semua pihak termasuklah Kerajaan Negeri dan Agensi-Agensi di bawahnya, PBT dan pemaju swasta. Urusan pemilihan pemaju, pembekal dan konsultan swasta ini dibuat secara telus melalui Program Pendaftaran Vendor PR1MA. Pemaju yang berhasrat menjalinkan kerjasama dengan PR1MA akan dinilai secara teliti berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan PR1MA untuk memastikan kewibawaan pemaju. Projek-projek PR1MA di sekitar negeri Melaka yang masih dalam fasa

perancangan sedang diteliti dan dipertimbangkan sewajarnya agar pelaksanaan projek berjalan lancar kelak.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat selanjutnya, Sistem Pendaftaran Nasional PR1MA sehingga hari ini secara kasarnya telah mencatatkan sebanyak 48,140 permohonan rumah PR1MA yang diterima bagi negeri Melaka. Jumlah permohonan ini juga dijangka akan meningkat apabila lebih banyak rumah-rumah PR1MA dilancarkan kelak.

Sekian. Terima kasih.